



NEGERI PAHANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PAHANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 70
No. 17


17hb Ogos 2017

TAMBAHAN No. 1
ENAKMEN

Undang-undang semakan yang berikut adalah dengan ini diterbitkan menurut subseksyen 7(1) Enakmen Penyemakan Undang-Undang (Negeri Pahang) 2005 [*Enakmen 1*]:

The following revised law is hereby published pursuant to subsection 7(1) of the Revision of Laws (State of Pahang) Enactment 2005 [*Enactment 1*]:

No.	Tajuk ringkas/Short title
Enakmen 15	Enakmen Kawalan Dan Sekatan Pengembangan Agama-Agama Bukan Islam 1989
Enactment 15	Control And Restriction of The Propagation of Non-Islamic Religious Enactment 1989



UNDANG-UNDANG NEGERI PAHANG

Enakmen 15

ENAKMEN KAWALAN DAN SEKATAN PENGEMBANGAN AGAMA-AGAMA BUKAN ISLAM 1989

(Disemak-2017)

**ENAKMEN KAWALAN DAN SEKATAN
PENGEMBANGAN AGAMA-AGAMA BUKAN
ISLAM 1989**

Tarikh Perkenan Diraja	15 04 1989
Disemak sehingga	31 07 2017
Tarikh versi semakan ini disiarkan dalam <i>Warta</i>	17 08 2017
Tarikh yang ditetapkan untuk mula berkuat kuasanya versi semakan ini menurut perenggan 5(1)(xxiv) Enakmen Penyemakan Undang-Undang (Negeri Pahang) 2005 [<i>Enakmen 1</i>]	17 08 2017

Pertama kali diperbuat dalam tahun 1989
sebagai ENAKMEN No. 5 tahun 1989

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

UNDANG-UNDANG NEGERI PAHANG

ENAKMEN KAWALAN DAN SEKATAN PENGEMBANGAN AGAMA-AGAMA BUKAN ISLAM 1989

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas, mula berkuat kuasa dan pemakaian
2. Tafsiran
3. Kriteria bagi memutuskan sama ada seseorang itu seorang Islam

BAHAGIAN II

KESALAHAN-KESALAHAN

4. Kesalahan memujuk, mempengaruhi, memaksa atau menghasut seorang Islam untuk menjadi seorang penganut atau anggota dsb. suatu agama bukan Islam
5. Kesalahan mendedahkan seorang Islam kepada pengaruh suatu agama bukan Islam
6. Kesalahan mendekati seorang Islam untuk mendedahkannya kepada apa-apa ucapan atau pertunjukan mengenai apa-apa perkara berkaitan dengan suatu agama bukan Islam
7. Kesalahan menghantar atau menyerahkan terbitan mengenai apa-apa agama bukan Islam kepada seorang Islam
8. Kesalahan membahagikan apa-apa terbitan atau bahan publisiti mengenai agama bukan Islam kepada seorang Islam
9. Kesalahan berhubung dengan penggunaan perkataan dan perbendaharaan tertentu yang bersumber Islam

BAHAGIAN III

PENGUATKUASAAN DAN PELBAGAI

Seksyen

10. Pelantikan pegawai diberi kuasa
11. Kesalahan boleh tangkap dan kes boleh tangkap
12. Kuasa penyiasatan
13. Kuasa untuk menghendaki saksi-saksi hadir
14. Pemeriksaan saksi-saksi
15. Pengendalian pendakwaan
16. Izin Pendakwa Raya
17. Pengendalian prosiding oleh pegawai diberi kuasa

JADUAL

UNDANG-UNDANG NEGERI PAHANG

Enakmen 15

ENAKMEN KAWALAN DAN SEKATAN PENGEMBANGAN AGAMA-AGAMA BUKAN ISLAM 1989

Suatu Enakmen untuk mengawal dan menyekat pengembangan iktikad dan kepercayaan agama bukan Islam dalam kalangan orang-orang yang menganuti agama Islam.

[1 Mac 1990]

BAHAWASANYA Perkara 11(4) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa undang-undang negeri boleh mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa iktikad atau kepercayaan agama antara orang-orang yang menganut agama Islam;

DAN BAHAWASANYA adalah sekarang dikehendaki supaya diperbuat suatu undang-undang untuk mengawal dan menyekat pengembangan iktikad dan kepercayaan agama bukan Islam antara orang-orang yang menganuti agama Islam;

DIPERBUAT oleh Badan Perundangan Negeri Pahang seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas, mula berkuat kuasa dan pemakaian

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama-Agama Bukan Islam 1989 dan hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Raja melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

(2) Enakmen ini hendaklah dipakai bagi negeri Pahang.

Tafsiran

2. (1) Dalam Enakmen ini melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“agama bukan Islam” ertinya agama Kristian, Hindu, Buddha, Sikh, Yahudi, Bahai dan agama-agama lain yang tidak diakui oleh agama Islam atau apa-apa variasi, versi, bentuk, atau cabang mana-mana agama tersebut, dan termasuklah apa-apa pegangan, ideologi, falsafah, atau apa-apa amalan atau penunaian, yang mana salah satu daripada sifat-sifatnya ialah menyembah suatu kewujudan atau kuasa spiritual atau ghaib, sama ada benar atau yang disangkakan, atau yang mengakui bahawa tujuannya atau salah satu daripada tujuannya ialah pencapaian pengajaran spiritual, perlindungan spiritual atau kewujudan spiritual, iaitu suatu pegangan, ideologi, falsafah, atau amalan atau penunaian yang tidak diakui oleh agama Islam sebagai berunsur Islam;

“bahan publisiti” berhubung dengan mana-mana terbitan, ertinya apa-apa bahan, termasuklah suatu gambar, gambar foto, poster, rajah, surat edaran, gelansar filem, iklan di akhbar dan apa-apa bentuk iklan lain, yang bertujuan untuk memberi publisiti kepada terbitan tersebut;

“filem” termasuklah—

- (a) sebuah filem wayang gambar;
- (b) sebuah pita rakaman video; dan
- (c) sebuah rekod, walau bagaimanapun ia dibuat, daripada suatu rangkaian imej berdasarkan penglihatan, yang mana adalah sebuah rekod yang mampu digunakan sebagai suatu alat menayangkan rangkaian itu sebagai suatu gambar bergerak;

“negeri” ertinya negeri Pahang;

“orang Islam” ertinya seseorang yang menganuti agama Islam;

*“pegawai diberi kuasa” ertinya—

- (a) mana-mana pegawai awam yang dilantik di bawah seksyen 10; atau
- (b) mana-mana pegawai polis berpangkat tidak rendah daripada Inspektor;

“rakaman audio” ertinya apa-apa bahan, termasuk piring hitam fonograf, pita rakaman, dan laser discs yang mana dirakamkan rakaman suara manusia;

“terbitan” ertinya apa-apa buku, majalah, pamphlet, risalah atau apa-apa bahan bacaan lain, sama ada dicetak, ditaip, ditulis tangan atau dikeluarkan dengan apa-apa cara lain, dan apa-apa bentuk keluaran ulangannya, dan termasuklah apa-apa filem atau rakaman audio.

(2) Bagi maksud Enakmen ini, suatu terbitan hendaklah dianggap sebagai suatu terbitan mengenai suatu agama bukan Islam jika—

- (a) terbitan itu adalah selain daripada filem atau rakaman audio, ia adalah atau mengandungi; atau
- (b) terbitan itu adalah sebuah filem, ia berkemampuan menggambarkan imej berdasarkan penglihatan mengenai kandungan; atau
- (c) terbitan itu adalah suatu rakaman audio, ia mengandungi suatu rakaman daripada suatu petikan dalam,

sebuah buku atau teks, atau mana-mana bahagian sebuah buku atau teks, yang kepada penganut atau anggota agama itu adalah suatu buku suci atau buku asas, atau satu daripada teks penting, bagi agama itu, atau jika pada intisarynya ia adalah suatu terbitan yang—

- (i) berkenaan dengan sejarah, prinsip, ajaran, sifat-sifat, amalan, upacara, kebajikan, dogma, ordinan, atau pertubuhan, agama itu;

*Nota—Pindaan tafsiran “pegawai diberi kuasa”.

- (ii) berkenaan dengan kewujudan, kuasa, orang atau benda yang disembah atau yang dipuja terutamanya oleh penganut atau anggota-anggota agama itu;
- (iii) mengandungi cerita, kisah, lagenda, dongeng atau anekdot berdasarkan kepada, yang terbit dari, atau merupakan dasar, agama itu;
- (iv) bertujuan untuk membawa orang kepada apa-apa pengetahuan atau sumber pengetahuan mengenai apa-apa perkara yang disebutkan dalam perenggan (i), (ii) dan (iii);
- (v) bertujuan untuk memujuk, mempengaruhi, memaksa, atau menghasut orang supaya menjadi penganut atau anggota agama itu atau mempelajari atau bertanya tentang agama itu; atau
- (vi) memiliki apa-apa kombinasi sifat-sifat yang disebutkan dalam perenggan (i) hingga (v).

(3) Walaupun suatu terbitan itu adalah suatu terbitan mengenai suatu agama bukan Islam dengan sebab bahawa ia termasuk di bawah perenggan (i), (ii), atau (iii) subseksyen (2), ia hendaklah tidak merupakan subjek suatu kesalahan di bawah Enakmen ini jika terbitan itu pada keseluruhannya adalah bagi kepentingan agama Islam atau bagi umat Islam sebagai umat Islam.

Kriteria bagi memutuskan sama ada seseorang itu seorang Islam

3. Jika dalam apa-apa pendakwaan bagi suatu kesalahan di bawah Enakmen ini timbul apa-apa soalan tentang sama ada seseorang itu seorang Islam, soalan itu hendaklah diputuskan mengikut kriteria reputasi am, tanpa membuat apa-apa percubaan untuk mempersoalkan keimanan, kepercayaan, kelakuan, perangai, watak, perbuatan, atau kemungkiran orang itu.

BAHAGIAN II

KESALAHAN-KESALAHAN

Kesalahan memujuk, mempengaruhi, memaksa atau menghasut seorang Islam untuk menjadi seorang penganut atau anggota dsb. suatu agama bukan Islam

4. (1) Seseorang adalah melakukan kesalahan jika ia—

- (a) memujuk, mempengaruhi, memaksa atau menghasut; atau
- (b) mengadakan atau mengendalikan apa-apa aktiviti, pertunjukan, hiburan, atau persembahan di mana isi kandungannya atau perutusannya adalah bertujuan untuk memujuk, mempengaruhi, atau menghasut,

seorang Islam—

- (i) supaya menjadi seorang penganut atau anggota atau cenderung ke arah suatu agama bukan Islam; atau
- (ii) supaya meninggalkan atau tidak suka kepada agama Islam.

(2) Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah subseksyen (1) boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih dari empat tahun atau kedua-dua denda dan penjara.

(3) Adalah menjadi suatu pembelaan terhadap suatu pertuduhan di bawah subseksyen (1) bahawa tertuduh itu mempunyai sebab untuk mempercayai, dan sebenarnya mempercayai, bahawa orang lain itu bukan seorang Islam.

(4) Adalah tidak menjadi suatu pembelaan terhadap suatu pertuduhan di bawah subseksyen (1) bahawa orang lain itu telah tidak terpengaruh oleh apa-apa perkara yang diperkata atau dilakukan oleh tertuduh itu kepadanya.

Kesalahan mendedahkan seorang Islam kepada pengaruh suatu agama bukan Islam

5. (1) Seseorang adalah melakukan kesalahan jika ia menyuruh, menyebabkan, memujuk, mempengaruhi, memaksa, menghasut, menggalakkan atau membenarkan seorang lain yang beragama Islam supaya menerima ajaran dalam suatu agama bukan Islam, atau supaya mengambil bahagian dalam apa-apa istiadat, perbuatan menyembah, atau aktiviti keagamaan suatu agama bukan Islam atau dalam apa-apa aktiviti yang dianjurkan atau dikelolakan oleh atau adalah untuk faedah suatu agama bukan Islam atau apa-apa badan atau institusi yang berkaitan dengan suatu agama bukan Islam.

(2) Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah subseksyen (1) boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih dari empat tahun atau kedua-dua denda dan penjara.

(3) Adalah menjadi suatu pembelaan terhadap suatu pertuduhan di bawah subseksyen (1) bahawa tertuduh itu, sebelum kesalahan orang yang dikatakan itu, telah diberitahu bahawa orang itu bukanlah seorang Islam.

Kesalahan mendekati seorang Islam untuk mendedahkannya kepada apa-apa ucapan atau pertunjukan mengenai apa-apa perkara berkaitan dengan suatu agama bukan Islam

6. (1) Seseorang adalah melakukan kesalahan jika ia mengunjungi, atau mengatur atau berusaha mengadakan suatu perjumpaan dengan, atau menghubungi melalui telefon atau dengan apa-apa cara lain, seorang Islam bagi maksud mendedahkan orang Islam itu kepada apa-apa ucapan atau pertunjukan mengenai apa-apa perkara berkaitan dengan suatu agama bukan Islam.

(2) Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah subseksyen (1) boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak lebih daripada lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih dari dua tahun atau kedua-dua denda dan penjara.

(3) Dalam suatu pendakwaan atau suatu kesalahan di bawah subseksyen (1), maksud tertuduh itu mengunjungi, atau mengatur atau berusaha mengadakan suatu perjumpaan dengan, atau menghubungi, orang lain itu hendaklah dianggap sebagai maksud mendedahkannya kepada apa-apa ucapan atau pertunjukan mengenai apa-apa perkara berkaitan dengan suatu agama bukan Islam jika, memandang pada keseluruhannya kepada semua yang telah berlaku dalam masa kunjungan, perjumpaan, percakapan telefon atau dengan apa-apa cara lain itu, adalah didapati tanpa keraguan yang munasabah bahawa ia adalah maksud sebenar atau satu daripada maksud-maksud sebenar tertuduh itu walaupun, dalam masa kunjungan, perjumpaan, atau percakapan telefon atau dengan apa-apa cara lain itu, perkara atau hal selain daripada yang berkaitan dengan maksud itu juga disebut atau dilakukan atau perkara atau hal yang berkaitan dengan maksud itu tidak disebut atau dilakukan sebanyak perkara-perkara lain.

Kesalahan menghantar atau menyerahkan terbitan mengenai apa-apa agama bukan Islam kepada seorang Islam

7. (1) Seseorang adalah melakukan kesalahan jika ia, dari dalam negeri menghantar atau menyerahkan atau menyebabkan dihantar atau diserahkan kepada seorang Islam di dalam atau di luar negeri, atau, dari luar negeri, menghantar atau menyebabkan dihantar atau diserahkan kepada seorang Islam di dalam negeri, apa-apa terbitan mengenai apa-apa agama bukan Islam, atau apa-apa bahan publisiti yang berkaitan dengan terbitan itu, yang tidak diminta oleh orang lain.

(2) Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah subseksyen (1) boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak lebih daripada lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih dari dua tahun atau kedua-dua denda dan penjara.

(3) Bagi maksud subseksyen (1), sesuatu penerbitan atau bahan publisiti yang dihantar atau diserahkan kepada atau dialamatkan kepada seseorang hendaklah dianggap sebagai dihantar atau diserahkan kepada orang itu.

(4) Adalah menjadi suatu pembelaan terhadap suatu pertuduhan di bawah subseksyen (1) bahawa tertuduh itu, setelah siasatan teliti, mempunyai sebab untuk mempercayai, dan sebenarnya mempercayai, bahawa orang yang kepadanya terbitan atau bahan publisiti yang berkenaan itu dihantar atau diserahkan bukan seorang Islam.

(5) Adalah tidak menjadi suatu pembelaan terhadap suatu pertuduhan di bawah subseksyen (1) bahawa orang yang kepadanya terbitan atau bahan publisiti yang berkenaan itu dihantar atau diserahkan telah membuat suatu permintaan bagi mendapatkannya jika permintaan itu telah didorong oleh tertuduh itu atau oleh mana-mana orang yang bertindak bagi pihak tertuduh itu.

(6) Subseksyen (1) tidak dipakai bagi—

- (a) perbuatan yang boleh menjadi suatu kesalahan di bawah subseksyen 8(1); atau
- (b) mana-mana pegawai atau pengkhidmat Jabatan Pos yang menghantar atau menyerahkan apa-apa terbitan atau bahan publisiti di dalam menjalankan tugas rasminya.

Kesalahan membahagikan apa-apa terbitan atau bahan publisiti mengenai agama bukan Islam kepada seorang Islam

8. (1) Seseorang adalah melakukan kesalahan jika ia, dalam masa membahagikan apa-apa terbitan atau bahan publisiti mengenai suatu agama bukan Islam, secara langsung atau tidak langsung menyerahkan satu salinan atau salinan-salinan terbitan atau bahan publisiti itu kepada seorang Islam.

(2) Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah subseksyen (1) boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak lebih daripada lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih dari dua tahun atau kedua-dua denda dan penjara.

(3) Adalah menjadi suatu pembelaan terhadap suatu pertuduhan di bawah subseksyen (1)—

- (a) bahawa tertuduh itu telah menjalankan usaha yang munasabah bagi memastikan bahawa terbitan atau bahan publisiti itu tidak jatuh ke tangan seorang Islam; atau
- (b) bahawa orang yang kepadanya tertuduh itu telah menyerahkan terbitan atau bahan publisiti itu telah meminta suatu salinan atau salinan-salinan terbitan atau bahan publisiti itu tanpa apa-apa dorongan daripada pihak tertuduh itu.

Kesalahan berhubung dengan penggunaan perkataan dan perbahasaan tertentu yang bersumber Islam

9. (1) Seseorang adalah melakukan kesalahan jika ia, dalam apa-apa tulisan yang diterbitkan, atau dalam apa-apa ucapan atau pernyataan awam, atau dalam apa-apa ucapan atau pernyataan yang ditujukan kepada suatu perhimpunan, atau dalam apa-apa ucapan atau pernyataan itu yang diterbitkan atau disiarkan dan yang pada masa ucapan atau pernyataan itu dibuat ia tahu atau, pada munasabahnya, patut tahu akan diterbitkan atau disiarkan, menggunakan mana-mana perkataan yang disenaraikan dalam Bahagian I Jadual, atau apa-apa terbitan atau variasinya, untuk menyatakan atau memperihalkan apa-apa fakta kepercayaan, idea, konsep, perbuatan, aktiviti, perkara, atau hal mengenai atau berkaitan dengan mana-mana agama bukan Islam.

(2) Seseorang yang bukan seorang Islam adalah melakukan kesalahan jika ia, dalam keadaan yang dinyatakan dalam subseksyen (1), menggunakan mana-mana perbahasaan yang disenaraikan dalam Bahagian II Jadual, kecuali sebagai petikan atau rujukan.

(3) Seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah subseksyen (1) atau (2) boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak lebih daripada lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih dari dua tahun atau kedua-dua denda dan penjara.

(4) Raja boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, meminda Jadual.

BAHAGIAN III

PENGUATKUASAAN DAN PELBAGAI

***Pelantikan pegawai diberi kuasa**

10. Melainkan dalam hal seseorang pegawai polis berpangkat tidak rendah daripada Inspektor, Raja boleh, secara bertulis, melantik mana-mana pegawai awam menjadi pegawai diberi kuasa.

Kesalahan boleh tangkap dan kes boleh tangkap [N.M.B. Bab 6]

11. (1) Semua kesalahan dan kes di bawah Enakmen ini hendaklah disifatkan sebagai kesalahan boleh tangkap dan kes boleh tangkap bagi maksud Kanun Prosedur Jenayah.

(2) Seseorang pegawai diberi kuasa atau mana-mana pegawai polis berpangkat tidak rendah daripada Inspektor boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang yang disyaki telah melakukan mana-mana kesalahan di bawah Enakmen ini.

(3) Apabila seseorang pegawai diberi kuasa menjalankan kuasa penangkapannya di bawah subseksyen (2), ia hendaklah menyatakan jawatan dan kuasanya dan mengemukakan untuk diperiksa kepada mana-mana orang yang terhadapnya ia bertindak, suatu kad kuasa yang ditentukan oleh Raja.

(4) Seseorang pegawai diberi kuasa boleh meminta mana-mana pegawai polis bagi membantu dalam menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh subseksyen (2), dan adalah menjadi tugas setiap pegawai polis mematuhi mana-mana permintaan itu.

(5) Seseorang pegawai diberi kuasa untuk membuat suatu penangkapan di bawah subseksyen (2) hendaklah tanpa kelewatan yang tidak sepatutnya menyerahkan orang yang ditangkap itu kepada seorang pegawai polis atau membawa orang itu ke balai polis yang berhampiran; dan peruntukan-peruntukan Kanun Prosedur Jenayah hendaklah dipakai berhubung dengan orang yang ditangkap itu.

*Nota—Pindaan seksyen 10.

Kuasa penyiataan

12. (1) Mana-mana pegawai diberi kuasa hendaklah mempunyai kuasa untuk menyasat perbuatan melakukan mana-mana kesalahan di bawah Enakmen ini.

(2) Setiap orang yang dikehendaki oleh seseorang pegawai diberi kuasa untuk memberi apa-apa maklumat atau mengemukakan apa-apa dokumen atau artikel lain yang berhubung dengan perbuatan melakukan sesuatu kesalahan itu adalah dalam kuasa orang itu untuk memberi hendaklah terikat di sisi undang-undang untuk memberi maklumat itu atau menyerahkan dokumen atau artikel lain itu.

Kuasa untuk menghendaki saksi-saksi hadir

13. (1) Seseorang pegawai diberi kuasa untuk membuat suatu penyiataan di bawah seksyen 12 boleh dengan perintah secara bertulis menghendaki mana-mana orang yang pada pendapatnya tahu akan hal-hal yang berkaitan dengan kes itu supaya hadir di hadapannya, dan orang itu hendaklah hadir sebagaimana yang dikehendaki.

(2) Jika mana-mana orang yang tertakluk kepada suatu perintah di bawah subseksyen (1) gagal hadir sebagaimana yang dikehendaki oleh perintah itu, pegawai diberi kuasa itu boleh melaporkan kegagalan itu kepada seorang Majistret yang boleh sesudah menerima laporan itu mengeluarkan suatu waran untuk menjamin kehadiran orang itu sebagaimana dikehendaki oleh perintah itu.

(3) Seseorang yang hadir sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen (1) adalah berhak dibayar perbelanjaan perjalanan dan saraan yang munasabah yang dilakukan olehnya; dan adalah sah bagi Setiausaha Kerajaan Negeri untuk membayar perbelanjaan tersebut.

Pemeriksaan saksi-saksi

14. (1) Seseorang pegawai diberi kuasa untuk membuat suatu penyiasatan di bawah seksyen 12 boleh memeriksa secara lisan mana-mana orang yang dijangka tahu akan fakta dan hal yang berkaitan dengan kes itu.

(2) Orang itu adalah diwajibkan menjawab semua soalan berhubung dengan kes itu yang dikemukakan kepadanya oleh pegawai diberi kuasa itu:

Dengan syarat bahawa orang itu boleh enggan menjawab apa-apa soalan yang jawapannya berkemungkinan mendedharkannya kepada suatu pertuduhan jenayah atau penalti atau lucuthak.

(3) Seseorang yang membuat pernyataan di bawah seksyen ini adalah terikat di sisi undang-undang untuk menyatakan yang benar, sama ada atau tidak pernyataan itu dibuat pada keseluruhan atau sebahagiannya bagi menjawab soalan-soalan.

(4) Seseorang pegawai diberi kuasa untuk memeriksa seseorang di bawah subseksyen (1) hendaklah terlebih dahulu memberitahu orang itu akan peruntukan-peruntukan subseksyen (2) dan (3).

(5) Sesuatu pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang di bawah seksyen ini hendaklah, jika boleh, dituliskan dan ditandatangani oleh orang yang membuatnya atau ditandakan dengan cap ibu jarinya, sebagaimana yang berkenaan, selepas pernyataan itu dibacakan kepada orang itu dalam bahasa ia membuat pernyataan itu dan ia telah diberi peluang untuk membuat pembetulan yang hendak dibuat olehnya.

Pengendalian pendakwaan

15. Tanpa prejudis kepada Perkara 145(3) Perlembagaan Persekutuan, setiap pegawai diberi kuasa atau mana-mana pegawai polis berpangkat tidak rendah daripada Inspektor hendaklah mempunyai kuasa untuk hadir di mana-mana mahkamah dan mengendalikan mana-mana pendakwaan berkaitan dengan mana-mana kesalahan di bawah Enakmen ini.

***Izin Pendakwa Raya**

16. Tiada pendakwaan berkenaan dengan apa-apa kesalahan di bawah Enakmen ini boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya.

Pengendalian prosiding oleh pegawai diberi kuasa

17. Prosiding berkenaan apa-apa kesalahan di bawah Enakmen ini boleh, dengan izin Pendakwa Raya, dikendalikan oleh pegawai diberi kuasa.

**Nota—Memasukkan seksyen baru “seksyen 16 dan seksyen 17” selepas “seksyen 15” rujuk—Enakmen A47/2014.*

JADUAL
(Seksyen 9)

BAHAGIAN I

PERKATAAN-PERKATAAN YANG TIDAK BOLEH DIKAITKAN
DENGAN AGAMA BUKAN ISLAM

Allah Firman Allah	Illahi Wahyu	Rasul Iman	Fatwa Khutbah	Imam Sheikh	Fitrah Musabaqah
Ulama	Mubaligh	Dakwah	Nabi	Akhirat	Hajah
Hadith	Syariah	Injil	Tabligh	Masjid	Haul
Ibadat	Qiblat	Solat	*Al-Quran	Surau	Karamah
Kaabah	Haj	Khalifah	As-Sunnah	Musolla	Syahadah
Kadi	Mufti	Wali	Azan	Zakat	Baitullah

BAHAGIAN II

PERBAHASAAN-PERBAHASAAN YANG TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN OLEH ORANG BUKAN ISLAM

Subhanallah	**Assalamualaikum
Alhamdulillah	Walaikumussalam
Lailahaillallah	Wallahi
Walillahilhamd	Wabillahi
Allahu Akbar	Watallahi
Insyallah	Azubillah
Astagfirullahal Azim	Bismillah
Tabaraka Allah	
Masyaallah	
Lahaula Walaquata Illabillahilaliyil Azim	

**Nota—Memasukkan perkataan “Al-Quran, As-Sunnah, Azan, Imam, Sheikh, Akhirat, Masjid, Surau, Musolla, Zakat, Fitrah, Musabaqah, Hajah, Haul, Karamah, Syadah dan Baitullah” selepas perkataan “Tabligh” rujuk—Phg. P.U. 12/2017.*

*** Nota—Memasukkan perkataan “Assalamualaikum, Walaikumussalam, Wallahi, Wabillahi, Watallahi, Azubillah, Bismillah” selepas perkataan “Lahaula Walaquata Illabillahilaliyil Azim” rujuk—Phg. P.U. 12/2017.*

UNDANG-UNDANG NEGERI PAHANG
ENAKMEN KAWALAN DAN SEKATAN
PENGEMBANGAN AGAMA-AGAMA BUKAN
ISLAM 1989

SENARAI PINDAAN

Undang-Undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Enakmen A47	Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama-Agama Bukan Islam (Pindaan) 2014	15 April 2016
Phg. P.U. 12/2017	Perintah Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama-Agama Bukan Islam 2017	31 Mac 2017

UNDANG-UNDANG NEGERI PAHANG
ENAKMEN KAWALAN DAN SEKATAN
PENGEMBANGAN AGAMA-AGAMA BUKAN
ISLAM 1989

SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

Undang-Undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Seksyen baru 16 dan 17	Enakmen A47	15 April 2016
Pindaan Jadual	Phg. P.U. 12/2017	31 Mac 2017

UNDANG-UNDANG NEGERI PAHANG
ENAKMEN KAWALAN DAN SEKATAN
PENGEMBANGAN AGAMA-AGAMA BUKAN
ISLAM 1989

(Disemak — 2017)

SENARAI PINDAAN YANG DIBUAT OLEH PESURUHJAYA
PENYEMAK UNDANG-UNDANG DI BAWAH SEKSYEN 5 ENAKMEN
PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG (NEGERI PAHANG) 2005
[ENAKMEN 1]

Peruntukan/seksyen	Senarai pindaan	Kuasa meminda
Bentuk Perkenan Diraja	Ditinggalkan	Seksyen 5(1)(xxv)
Mukadimah	<ol style="list-style-type: none"> 1. Perkataan “iktikad-iktikad” diganti dengan perkataan “iktikad”. 2. Perkataan “kepercayaan-kepercayaan” diganti dengan perkataan “kepercayaan”. 3. Perkataan “di” diganti dengan perkataan “dalam”. 4. Perkataan “OLEH YANG DEMIKIAN, menurut Perkara 11(4) Pelembagaan Persekutuan ADALAH DENGAN INI UNDANG UNDANG” ditinggalkan. 5. Memasukkan perkataan “yang” sebelum perkataan “berikut”. 	<p>Seksyen 5(1)(xiv)</p> <p>Seksyen 5(1)(xiv)</p> <p>Seksyen 5(1)(xiv)</p> <p>Seksyen 5(1)(xiv)</p> <p>Seksyen 5(1)(xiv)</p>
seksyen 1	Menggantikan nota birai kepada nota bahu.	Seksyen 5(1)(xxv)
Subseksyen 1(1)	Perkataan “berkuatkuasa” dijarakkan kepada “berkuatkuasa”.	Seksyen 5(1)(xx)

Peruntukan/seksyen	Senarai pindaan	Kuasa meminda
Subseksyen 1(2)	Huruf “N” pada perkataan “Negeri” diganti dengan huruf “n”.	Seksyen 5(1)(xiv)
Seksyen 2	Menggantikan nota birai kepada nota bahu.	Seksyen 5(1)(xxv)
Subseksyen 2(1)	1. Perkataan “lain-lain agama” diganti dengan perkataan “agama-agama lain”.	Seksyen 5(1)(xiv)
	2. Perkataan “wujudan” diganti dengan perkataan “kewujudan”.	Seksyen 5(1)(xiv)
	3. Perkataan “tujuan-tujuannya” diganti dengan perkataan “tujuannya”.	Seksyen 5(1)(xiv)
	4. Perkataan “ianya” diganti dengan perkataan “ia”.	Seksyen 5(1)(xiv)
	5. Perkataan “dari” diganti dengan perkataan “daripada”.	Seksyen 5(1)(xiv)
	6. Perkataan “diberikuasa” dijarakkan kepada “diberikuasa”.	Seksyen 5(1)(xx)
	7. Perkataan “piring-piring” diganti dengan perkataan “piring”.	Seksyen 5(1)(xiv)
	8. Perkataan “pita-pita” diganti dengan perkataan “pita”.	Seksyen 5(1)(xiv)
	9. Perkataan “pamflet” diganti dengan perkataan “pamplet”.	Seksyen 5(1)(xiv)
Subseksyen 2(2)	1. Perkataan “maksud-maksud” diganti dengan perkataan “maksud”.	Seksyen 5(1)(xiv)
	2. Perkataan “dari” selepas perkataan “petikan” diganti dengan perkataan “dalam”.	Seksyen 5(1)(xiv)


Peruntukan/seksyen	Senarai pindaan	Kuasa meminda
	3. Perkataan “wujudan” diganti dengan perkataan “kewujudan”.	Seksyen 5(1)(xiv)
	4. Perkataan “legenda” diganti dengan perkataan “lagenda”.	Seksyen 5(1)(xiv)
	5. Perkataan “penganut-penganut” diganti dengan perkataan “penganut”.	Seksyen 5(1)(xiv)
	6. Perkataan “anggota-anggota” diganti dengan perkataan “anggota”.	Seksyen 5(1)(xiv)
Seksyen 3	Menggantikan nota birai kepada nota bahu.	Seksyen 5(1)(xxv)
Seksyen 4	Menggantikan nota birai kepada nota bahu.	Seksyen 5(1)(xxv)
Subseksyen 4(2)	1. Perkataan “daripada” sebelum perkataan “empat tahun” diganti dengan perkataan “dari”.	Seksyen 5(1)(xiv)
	2. Perkataan “itu” selepas perkataan “penjara” ditinggalkan.	Seksyen 5(1)(xiv)
Seksyen 5	1. Menggantikan nota birai kepada nota bahu.	Seksyen 5(1)(xxv)
	2. Perkataan “pengaruh-pengaruh” diganti dengan perkataan “pengaruh”.	Seksyen 5(1)(xiv)
Subseksyen 5(2)	1. Perkataan “daripada” sebelum perkataan “empat tahun” diganti dengan perkataan “dari”.	Seksyen 5(1)(xiv)
	2. Perkataan “itu” selepas perkataan “penjara” ditinggalkan.	Seksyen 5(1)(xiv)

Peruntukan/seksyen	Senarai pindaan	Kuasa meminda
Seksyen 6	Menggantikan nota birai kepada nota bahu.	Seksyen 5(1)(xxv)
Subseksyen 6(1)	Perkataan “dengan” sebelum perkataan “telefon” diganti dengan perkataan “melalui”.	Seksyen 5(1)(xiv)
Subseksyen 6(2)	1. Perkataan “daripada” sebelum perkataan “dua tahun” diganti dengan perkataan “dari”.	Seksyen 5(1)(xiv)
	2. Perkataan “itu” selepas perkataan “penjara” ditinggalkan.	Seksyen 5(1)(xiv)
Subseksyen 6(3)	1. Perkataan “ianya” diganti dengan perkataan “ia”.	Seksyen 5(1)(xiv)
	2. Perkataan “perkara-perkara” diganti dengan perkataan “perkara”.	Seksyen 5(1)(xiv)
	3. Perkataan “hal-hal” diganti dengan perkataan “hal”.	Seksyen 5(1)(xiv)
Seksyen 7	1. Menggantikan nota birai kepada nota bahu.	Seksyen 5(1)(xxv)
	2. Perkataan “terbitan-terbitan” pada nota bahu diganti dengan perkataan “terbitan”.	Seksyen 5(1)(xiv)
Subseksyen 7(1)	Huruf “N” pada perkataan “Negeri” diganti dengan huruf “n”.	Seksyen 5(1)(xiv)
Subseksyen 7(2)	1. Perkataan “daripada” sebelum perkataan “dua tahun” diganti dengan perkataan “dari”.	Seksyen 5(1)(xiv)
	2. Perkataan “itu” selepas perkataan “penjara” ditinggalkan.	Seksyen 5(1)(xiv)

Peruntukan/seksyen	Senarai pindaan	Kuasa meminda
Subseksyen 7(6)	Perkataan “seksyen 8(1)” diganti dengan perkataan “subseksyen 8(1)”.	Seksyen 5(1)(xiv)
Seksyen 8	Menggantikan nota birai kepada nota bahu.	Seksyen 5(1)(xxv)
Subseksyen 8(3)(a)	Perkataan “mempastikan” diganti dengan perkataan “memastikan”.	Seksyen 5(1)(xiv)
Seksyen 9	1. Menggantikan nota birai kepada nota bahu.	Seksyen 5(1)(xxv)
	2. Perkataan “perkataan-perkataan” pada nota bahu diganti dengan “perkataan”.	Seksyen 5(1)(xiv)
Subseksyen 9(3)	1. Perkataan “daripada” sebelum perkataan “dua tahun” diganti dengan perkataan “dari”.	Seksyen 5(1)(xiv)
	2. Perkataan “itu” selepas perkataan “penjara” ditinggalkan.	Seksyen 5(1)(xiv)
Seksyen 10	1. Menggantikan nota birai kepada nota bahu.	Seksyen 5(1)(xxv)
